

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1993/94

Oktober/November 1993

PLG 417 - Kaedah Mengajar Sejarah II

Masa : [2 jam]

Jawab Soalan No.1 dan 2 soalan yang lain.

1. Buat satu PENILAIAN terhadap Kaedah Inkuiri di dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah.

[40 markah]

2. Kefahaman tentang tahap-tahap perkembangan kognitif kanak-kanak adalah penting bagi seseorang guru sejarah. Bincangkan aspek-aspek penting yang perlu diambil kira apabila merancang dan melaksanakan sesuatu pelajaran bagi murid-murid yang lemah.

[30 markah]

3. Buat satu analisis yang kritikal terhadap Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan VI. Bincangkan jawapan anda dengan merujuk kepada objektif dan kedudukan Tingkatan VI di dalam sistem pendidikan negara masa kini.

[30 markah]

...2/-

[PLG 417]

- 2 -

4. Mengikut Jerome Bruner, pemindahan yang berupa pemindahan pembelajaran yang tak spesifik adalah nadi kepada proses pendidikan. ...pemindahan jenis ini, iaitu seperti pemindahan prinsip-prinsip, adalah bergantung kepada penguasaan struktur kandungan mata pelajaran. ...Dengan perkataan lain, ia berpendapat bahawa semakin asas sesuatu ide yang dipelajari semakin luas penggunaannya untuk masalah-masalah baru (Bruner, 1960). Bincangkan andaian Bruner di dalam kontek pemikiran sejarah dan implikasinya terhadap proses pengajaran-pembelajaran sejarah.

[30 markah]

5. Apabila pendidikan sejarah dijadikan sebagai pendidikan kewarganegaraan, ia secara langsung bermaksud bahawa aspek pertimbangan moral berlaku di dalam proses pengajaran-pembelajaran. Bincangkan.

[30 markah]

- oooooooo -